

# Bab 5

**Pelaburan LTH:  
Sektor Perladangan  
(1990-2000)**

**BAB 5**  
**ANALISA PELABURAN TABUNG HAJI DALAM SEKTOR PERLADANGAN  
DI MALAYSIA DI ANTARA TAHUN-TAHUN 1990-2000**

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Objektif Khusus pelaburan dalam sektor perladangan.
- 5.3 Anak-anak Syarikat yang terlibat:
  - 5.3.1 TH Plantations Sdn. Bhd.
    - 5.3.1.1 Pemilikan Penuh
      - 5.3.1.1.1 Ladang Kota Bahagia
      - 5.3.1.1.2 Ladang Sungai Megah
      - 5.3.1.1.3 Ladang Sungai Buan
      - 5.3.1.1.4 Ladang Sungai Merchong
      - 5.3.1.1.5 Ladang Ulu Chukai
      - 5.3.1.1.6 Ladang Bukit Lawiang
      - 5.3.1.1.7 Ladang Gunung Sumalayang
      - 5.3.1.1.8 Kilang Sawit Kota Bahagia
      - 5.3.1.1.9 Kilang Sawit Bukit Lawiang
    - 5.3.1.2 Anak Syarikat
      - 5.3.1.2.1 TH Peladang Sdn. Bhd.
      - 5.3.1.2.2 Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.
    - 5.3.1.3 Syarikat Bersekutu
      - 5.3.1.3.1 Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd.
    - 5.3.1.4 Agen Pengurusan Ladang
      - 5.3.1.4.1 Tabung Haji Estates (Holdings) Sdn. Bhd.
      - 5.3.1.4.2 TH Indopalms Sdn. Bhd. (PT Multigambut Industri)
      - 5.3.1.4.3 TH Agro Sdn. Bhd.
  - 5.3.2 TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.
    - 5.3.2.1 Pemilikan Penuh
      - 5.3.2.1.1 Ladang Sungai Koyah
      - 5.3.2.1.2 Ladang Sungai Tenegang
      - 5.3.2.1.3 Ladang Serudung
      - 5.3.2.1.4 Kilang Sawit Sungai Tenegang
    - 5.3.2.2 Anak Syarikat
      - 5.3.2.2.1 Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.
      - 5.3.2.2.2 Syarikat Sabaco Sdn. Bhd.
    - 5.3.2.3 Syarikat Bersekutu
      - 5.3.2.3.1 Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.
    - 5.3.2.4 Agen Pengurusan Ladang
      - 5.3.2.4.1 Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd.
      - 5.3.2.4.2 TH Bonggaya Sdn. Bhd.
      - 5.3.2.4.3 TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.
  - 5.3 Prospek Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perladangan
  - 5.4 Kesimpulan

## 5.1 Pengenalan

Penglibatan Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam bidang perladangan bermula pada tahun 1969 dimana anak syarikat pertama LTH ditubuhkan di bawah nama Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sdn Bhd. (PLLTH). Penubuhan PLLTH ini telah menjadi titik tolak kepada kegiatan dan penglibatan yang lebih aktif bagi LTH dalam sektor pelaburan khususnya dalam bidang perladangan.

Projek yang pertama bagi PLLTH ialah pembukaan ladang kelapa sawit seluas 4047 hektar (10000 ekar) yang terletak di Kerantong, Pahang. Sehingga kini, LTH mempunyai ladang-ladang seluas 49,990 hektar yang menjalankan aktiviti penanaman kelapa sawit dan juga pokok Jati di beberapa buah negeri iaitu di Pahang, Johor, Terengganu, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.<sup>1</sup> Selain daripada projek-projek perladangan di dalam negara, LTH turut melibatkan diri dalam perladangan di luar negara iaitu di Indonesia melalui anak syarikatnya iaitu TH Indopalms Sdn. Bhd. dan di Filipina melalui TH Agro Sdn. Bhd.

Sehingga disertasi ini dibuat, di Malaysia, LTH mempunyai 21 buah ladang dimana 10 buah ladang dimiliki sepenuhnya oleh LTH, manakala 5 buah ladang merupakan anak-anak syarikat kepada anak-anak syarikat yang mengusahakan pelaburan dalam perladangan ini, sebuah ladang merupakan syarikat bersekutu dan 6 buah ladang turut merupakan ladang-ladang dimana anak-anak syarikat LTH ini telah dipilih menjadi agen pengurusannya. Selain daripada ladang, LTH melalui anak-anak syarikatnya iaitu TH Plantations Sdn.

Bhd. dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. turut memiliki 3 buah kilang pemprosesan buah kelapa sawit dan sebuah kilang bersekutu.(Lihat lampiran 5.1 dan 5.2) Di luar negara pula, TH Plantations Sdn. Bhd. melalui PT Multigambut Industri mengawasi 24 buah ladang dengan sebuah kilang sawit.

## 5.2 Objektif Khusus Pelaburan dalam Sektor Perladangan

Bagi memastikan setiap daripada agenda dan gerak kerja yang dijalankan di Lembaga Tabung Haji (LTH) khususnya oleh anak-anak syarikat yang terlibat dalam bidang perladangan ini iaitu TH Plantations Sdn. Bhd. dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. sentiasa jelas matlamatnya, maka LTH telah menggariskan beberapa objektif penglibatannya dalam sektor perladangan. Objektif yang dimaksudkan adalah seperti berikut<sup>2</sup>:

5.2.1 Membolehkan LTH mengambil bahagian yang cergas dalam sektor perladangan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan perladangan.

5.2.2 Memberi pulangan yang lumayan kepada LTH dan pendeposit.

5.2.3 Membolehkan LTH melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang halal dari segi syara'.

5.2.4 Memberi galakan, insentif dan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat tempatan untuk bekerja di ladang-ladang yang dibuka.

§

### 5.3 Anak-anak Syarikat yang terlibat:

Terdapat dua anak syarikat yang ditubuhkan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) yang bertujuan untuk menguruskan segala bentuk pelaburan dalam sektor perladangan khususnya perladangan kelapa sawit dan kayu Jati. Anak-anak syarikat yang dimaksudkan ialah TH Plantations Sdn. Bhd. dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.

#### 5.3.1 TH Plantations Sdn. Bhd.<sup>3</sup>

Penubuhan TH Plantations Sdn. Bhd. dengan nama asal semasa penubuhannya ialah Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sdn Bhd (PLLTH) telah membuka peluang yang besar kepada Lembaga Tabung Haji (LTH) untuk melibatkan diri secara efektif, aktif dan efisien dalam sektor pelaburan khususnya pelaburan dalam bidang perladangan.

Bermula pada 27 Ogos 1972, LTH telah mengorak selangkah kehadapan dengan berkecimpung dalam sektor yang banyak memberi pulangan tetap dan imbuhan yang menguntungkan pada masa hadapan. Syarikat ini secara tidak

langsung merupakan anak syarikat pertama yang telah ditubuhkan oleh LTH semenjak awal penubuhannya pada tahun 1969.

TH Plantations Sdn. Bhd. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama Perbadanan Ladang-Ladang Tabung Haji Sdn Bhd (PLLTH) dengan modal dibenarkan sebanyak RM 50 juta yang terbahagi kepada 50 juta saham biasa bermilai RM 1.00 sesaham. Manakala modal saham diterbitkan dan berbayar adalah RM 50 juta terbahagi kepada 50 juta saham-saham biasa bermilai RM 1.00 sesaham. Perubahan-perubahan dalam modal saham berbayar semenjak syarikat diperbadankan adalah seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 5.1:  
Modal Saham Berbayar Di TH Plantations Sdn. Bhd.**

TAHUN	MODAL BERBAYAR
1972-1983	RM 31,000,000.00
1984	RM 35,000,000.00
1985	RM 40,000,000.00
1986-2000	RM 50,000,000.00

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Schingga kehari ini, kegiatan utama TH Plantations Sdn. Bhd. ialah perladangan kelapa sawit dan pengeluaran minyak sawit mentah serta isirong sawit. Pada ketika ini, syarikat sedang menguruskan ladang kelapa sawit seluas 99,509.74 hektar (245,789.06 ekar) dan empat buah kilang kelapa sawit kepunyaan sendiri dan juga kepunyaan lain-lain syarikat perladangan LTH di dalam dan luar negara.

Selain daripada itu, TH Plantations Sdn. Bhd. turut memiliki ladang kelapa sawit sendiri (Lihat lampiran 5.3) yang dimiliki penuh 100 % seluas 12,626.42 hektar (31,187 ekar) di dalam negara sepetimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 5.2:

Ladang Kelapa Sawit milik TH Plantations Sdn. Bhd. di dalam negara

NAMA LADANG	HEKTAR	LOKASI	TAHUN DIBANGUNKAN
Ladang Kota Bahagia	2,112.50	Kota Bahagia, Keratong, Pahang	1970
Ladang Sungai Megah	2,132.70	Kota Bahagia, Keratong, Pahang	1974
Ladang Sungai Buan	1,388.88	Kota Bahagia, Keratong, Pahang	1985
Ladang Sungai Merchong	2,023.00	Muadzam Shah, Pahang	1982
Ladang Ulu Chukai	913.78	Kemaman, Terengganu	1982
Ladang Bukit Lawiang	2,002.13	Kluang, Johor	1982
Ladang Gunung Sumalayang	2,053.00	Kluang, Johor	1985
<b>JUMLAH</b>	<b>12,626.42</b>		

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

100%

Sebagai tambahan, syarikat juga memiliki 2 kilang kelapa sawit yang mana ia merupakan hak milik 100 % TH Plantations Sdn. Bhd. sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.3:

Kilang Pemprosesan Kelapa Sawit milik TH Plantations Sdn. Bhd.

NAMA KILANG	KEUPAYAAN MEMPROSES	LOKASI	TAHUN DIBINA
Kilang Sawit Kota Bahagia	30 tan metrik / jam	Kota Bahagia, Keratong, Pahang	1975

Kilang Sawit Bukit Lawiang	45 tan metrik / jam	Kluang, Johor	1989
----------------------------	---------------------	---------------	------

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ladang-ladang kepunyaan syarikat membekalkan Buah Tandan Segar (BTS) kepada kilang-kilang syarikat untuk diproses dan sebagai tambahan, kilang juga membeli BTS dari ladang-ladang lain yang berdekatan untuk diproses.<sup>4</sup>

Ladang-ladang yang dimiliki oleh TH Plantations Sdn. Bhd. ini turut dimanfaatkan dengan melakukan aktiviti sampingan lain. Selain melibatkan diri secara aktif dalam perladangan kelapa sawit dan penghasilannya, TH Plantations Sdn. Bhd. juga terlibat di dalam aktiviti penternakan lembu bersepada yang dijalankan di kesemua ladang-ladang yang berada di bawah penyeliaan syarikat. Maklumat lanjut mengenai ladang-ladang yang terbabit serta bilangan ternakan lembu yang ada adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.4:

Ternakan lembu oleh TH Plantations Sdn. Bhd. berakhir pada tahun 2000

NAMA LADANG	BILANGAN LEMBU
Ladang Gunung Sumalayang	400
Ladang Bukit Lawiang	462
Ladang Sungai Merchong	485
Ladang Sungai Megah	437
Ladang Kota Bahagia	257
Ladang Sungai Buan	218
Ladang Ulu Chukai	142
Ladang Sungai Ibok	404
Ladang Londah	286

Ladang Pasir Besar	166
<b>JUMLAH</b>	<b>3, 257</b>

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Selain daripada menguruskan segala ladang-ladang kelapa sawit dan juga kilang-kilang sepermata yang disebutkan di atas, TH Plantations Sdn. Bhd. juga bertanggungjawab untuk menguruskan anak-anak syarikat yang berada dibawah kawalan dan seliaannya. Antaranya ialah seperti TH Peladang Sdn. Bhd. dan Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.. Sebagai tambahan , selain daripada menguruskan anak-anak syarikat yang mana pemilikan saham yang dimiliki oleh LTH lebih daripada 50 % pihak TH Plantations Sdn. Bhd. juga memiliki sebuah Syarikat Bersekutu iaitu Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd.. Ia juga turut menjadi dan diamanahkan sebagai agen untuk menguruskan beberapa buah ladang yang terlibat dengan penanaman kelapa sawit iaitu TH Estates (Holdings) Sdn. Bhd., TH Indopalms Sdn. Bhd. (PT Multigambut Industri) dan TH Agro Sdn. Bhd. (Lihat lampiran 5.4)<sup>5</sup>

-

Syarikat yang bernaung di bawah LTH ini turut menerima beberapa anugerah peringkat nasional yang membuktikan kejayaan pengurusan Islam yang dijalankan di TH Plantations Sdn. Bhd. Antara anugerah yang pernah diterima oleh ladang-ladang yang dimiliki oleh TH Plantations Sdn. Bhd. adalah seperti Anugerah Industri Sawit Malaysia (1998) peringkat Wilayah Timur oleh Ladang Sungai Merchong dari Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Sawit (PORLA). Anugerah yang lain diterima ialah melalui Ladang Bukit Lawiang yang telah dianugerahkan dengan anugerah yang sama bagi peringkat Wilayah Selatan.

Pada tahun yang sama juga, Anugerah Cemerlang 1998 atas pencapaian kadar perahan tertinggi dan mutu Buah Tandan Baru (BTB) terbaik telah diberikan kepada Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd. untuk Ladang Ulu Chukai. Kecemerlangan usaha perladangan LTH diteruskan ke tahun 1999 dimana dua (2) lagi anugerah telah diterima dimana Kilang Sawit Bukit Lawiang telah dianugerahkan Anugerah Emas di Konvokesyen QCC (Kumpulan Meningkat Mutu Kerja) Wilayah Tengah tahun 1999 oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC). Anugerah Emas Dua bintang turut diberikan kepada kilang yang sama. Manakala pada tahun 2000, Kilang Sawit Kota Bahagia pula menerima Anugerah Emas Dua Bintang di konvokesyen QCC Kebangsaan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC).<sup>6</sup>

Berdasarkan kejayaan yang diiktiraf di atas, tidak hairanlah TH Plantations mampu untuk membayar keuntungan dan dividen kepada pihak Tabung Haji secara konsisten dari tahun-tahun 1990 sehingga 2000 sebagaimana yang dejelaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.5:

Keuntungan TH Plantations Sdn. Bhd. dan pembayaran dividen kepada LTH


TAHUN	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (RM)	DIVIDEN DIBAYAR (RM)	PERATUS DIVIDEN DIBAYAR (%)
1990	8,566,849	7,500,000	15
1991	19,196,596	12,500,000	25
1992	22,884,950	15,000,000	30
1993	22,205,790	10,000,000	20
1994	29,422,454	15,000,000	30
1995	43,912,051	70,000,000	140
1996	34,982,719	7,500,000	15
1997	47,028,989	40,000,000	80
1998	70,312,603	100,000,000	200
1999	34,455,535	30,000,000	60
2000	12,449,711	25,000,000	50
<b>JUMLAH</b>	<b>345,418,247</b>	<b>332,500,000</b>	

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, jadual pembayaran dividen oleh TH Plantations Sdn. Bhd. kepada LTH berbanding keuntungan yang diterima adalah seperti dalam carta di bawah:

Carta 5.1:

Keuntungan TH Plantations Sdn. Bhd. dan pembayaran dividen kepada LTH



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Melihat kepada pemilikan ladang yang agak besar ini, TH Plantations Sdn. Bhd. memiliki satu struktur pentadbiran yang terancang yang terdiri daripada beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah, Pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif dan bahagian-bahagian tertentu. (Lihat lampiran 5.5) Sehingga kini, terdapat 10 bahagian di dalam pentadbiran TH Plantations iaitu:

1. Bahagian Kewangan, Akaun dan EDP
2. Bahagian Pemasaran
3. Bahagian Audit Dalam
4. Bahagian Ladang

5. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
6. Bahagian Kejuruteraan
7. Bahagian Penanaman (Penasihat Penanaman)
8. Bahagian Agronomi
9. Bahagian Perancangan Korporat
10. Bahagian Kesetiausahaan

Setiap daripada bahagian-bahagian ini mempunyai fungsi yang tersendiri.<sup>7</sup> Bahagian Kewangan, Akaun dan EDP bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan dan sistem perakaunan syarikat. Selain daripada itu, bahagian ini juga perlu menyedia dan mengawal belanjawan syarikat. Laporan tahunan syarikat juga perlu disediakan oleh bahagian ini. Ia juga bertanggungjawab terhadap perancangan dan pengurusan aliran tunai syarikat dan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan sistem EDP (*Electronic Database Processing*) syarikat.

Bahagian Pemasaran pula diamanahkan untuk menguruskan pemasaran minyak sawit mentah dan isirong sawit yang dikeluarkan oleh syarikat. Bila diperlukan, bahagian ini perlu memasarkan buah sawit yang dihasilkan oleh syarikat dan membuat pembelian kelapa sawit dari ladang-ladang di luar. Bahagian ini juga perlu memantau pasaran komoditi berhubung dengan barang sawit dan juga bertanggungjawab ke atas urusan perlesenan ladang dan kilang syarikat.

Bahagian Audit Dalaman merupakan bahagian yang menentukan peraturan perakaunan dan kewangan syarikat untuk dipatuhi sepenuhnya. Ia juga bertanggungjawab untuk menentukan semua rekod-rekod kewangan disimpan dengan teratur dan sempurna. Bahagian ini turut diamanahkan untuk menjalankan audit pengurusan (*management auditing*).

Seterusnya ialah Bahagian Ladang dimana bahagian ini perlu memantau perjalanan harian ladang-ladang syarikat dan seterusnya perlu mengimplimentasi dan mengambil tindakan susulan ke atas teguran dan arahan-arahan yang diberi oleh Penasihat Penanaman ke atas setiap ladang yang dilawati. Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk mengendalikan segala bentuk urusan penanaman dan penanaman semula.

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia pula bertanggungjawab ke atas urusan pentadbiran syarikat yang meliputi urusan pembelian, tender dan kontrak, keselamatan, kenderaan syarikat dan pentadbiran syarikat. Ia juga diamanahkan untuk mengawal urusan pentadbiran sumber manusia yang meliputi pengambilan, pemberhentian, latihan, kenaikan pangkat, pertukaran, pentadbiran gaji dan disiplin anggota. Selain daripada itu, ia juga bertanggungjawab terhadap urusan kebajikan anggota syarikat.

Bahagian seterusnya yang turut memainkan peranan yang penting dalam menjayakan misi TH Plantations Sdn. Bhd. ialah Bahagian Kejuruteraan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat kepada pihak pengurusan kilang di dalam semua aspek pengilangan kelapa sawit. Ia juga perlu memberi nasihat kepada pihak pengurusan kilang berhubung dengan semua

aspek kejuruteraan kilang. Bahagian ini turut sama-sama menyemak draf belanjawan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Bahagian yang merupakan bahagian praktikal atau lebih '*down to earth*' ialah Bahagian Penanaman (Penasihat Penanaman). Ia bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat pertanian kepada semua pengurus-pengurus ladang syarikat. Ia juga perlu mengadakan lawatan kepada semua ladang-ladang di bawah pengurusan syarikat bagi menentukan perjalanan harian ladang mematuhi amalan perlادangan yang ditentukan. Bahagian ini juga perlu menyemak draf belanjawan ladang sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Seterusnya ialah Bahagian Agronomi yang merupakan badan pemberi nasihat agronomi dan pembajaan kepada semua ladang kepunyaan TH Plantations Sdn. Bhd. dan ladang-ladang lain kepunyaan LTH atau anak-anak syarikatnya yang memerlukan nasihat, bimbingan dan rujukan. Ia juga perlu membuat kajian tanah, kajian '*agroclimatic*' dan menjalankan program Penyelidikan dan Pembangunan yang berkaitan dengan agronomi. Selain daripada itu, proses pemantauan terhadap pencapaian hasil BTS juga perlu dilakukan oleh bahagian ini disamping perlu memantau kualiti baja dan program pembajaan.(Lihat lampiran 5.6)

Bahagian Pengurusan dan Perancangan Korporat adalah bahagian yang diamanahkan untuk membuat analisa pelaburan dan menyediakan aliran tunai projek serta memantau pencapaian kewangan sesuatu projek. Ia juga perlu

membuat analisa dan penilaian terhadap projek-projek baru yang dicadangkan dan menyediakan kertas kerja projek.

Manakala yang terakhir ialah Bahagian Kesetiausahaan yang turut memainkan peranan yang penting terhadap syarikat ini. Bahagian ini bertanggungjawab ke atas urusan kesetiausahaan syarikat dan juga mengaturkan mesyuarat Lembaga Pengarah. Ia juga bertanggungjawab untuk menyimpan rekod-rekod dan buku-buku kesetiausahaan serta perlu menyediakan minit-minit mesyuarat.

#### 5.3.1.1 Pemilikan Penuh (*Own Estates*)

Syarikat pemilikan penuh merupakan syarikat atau secara khususnya ladang-ladang dan kilang-kilang sawit yang dimiliki oleh TH Plantations Sdn. Bhd. dengan pegangan saham sebanyak 100 %. Antara ladang-ladang dan kilang-kilang yang merupakan milikan TH Plantations Sdn. Bhd. secara penuh adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2.

##### 5.3.1.1.1 Ladang Kota Bahagia<sup>8</sup>

Ladang Kota Bahagia merupakan antara ladang yang paling awal dibangunkan oleh TH Plantations Sdn. Bhd.. Ladang ini terletak di daerah Rompin, Mukim Keratong, Pahang telah dibangunkan pada tahun 1970<sup>9</sup> iaitu kira-kira 8 tahun selepas penubuhan LTH. (Lihat lampiran 5.7)

Dengan diketuai oleh seorang Pengurus Ladang, Ladang Kota Bahagia, mempunyai 11 orang pekerja yang menjalankan tugas pengurusan dan pengkeranian di pejabat Ladang Kota Bahagia. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Kota Bahagia berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


**Jadual 5.6:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Kota Bahagia berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	22.17	21.48	103.21
1991	20.94	22.21	94.28
1992	20.37	18.93	107.6
1993	25.28	19.44	130.01
1994	23.89	20.05	119.15
1995	22.19	20.43	108.61
1996	22.40	22.51	99.51
1997	23.71	19.40	116.86
1998	20.94	20.00	107.94
1999	20.56	15.97	102.80
2000	16.03	14.70	127.21

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Kota Bahagia berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti dalam carta di bawah:

**Carta 5.2:**  
**Pencapaian hasil BTS oleh Ladang Kota Bahagia berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Sehingga ke tahun 2000, Ladang Kota Bahagia masih lagi mampu menyumbang kepada industri kelapa sawit negara ini, malah pada tahun 1997 seluas 2,112.50 hektar kawasan telah ditanam semula secara berperingkat.

#### 5.3.1.1.2 Ladang Sungai Megah<sup>10</sup>

Ladang Sungai Megah turut merupakan antara ladang yang terawal dibuka oleh pihak LTH. Ladang yang terletak di dalam daerah Rompin, Mukim Karatong, Pahang ini telah mula dibangunkan pada tahun 1974. (Lihat lampiran 5.7)

Sebagaimana struktur pentadbiran dalam Ladang Kota Bahagia, Ladang Sungai Megah juga diketuai oleh seorang pengurus dan dibantu oleh 12 orang kakitangan termasuk 6 orang penyelia ladang. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai

Megah berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


**Jadual 5.7:**  
Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Megah berbanding anggaran

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	19.69	22.01	89.46
1991	20.20	20.01	100.95
1992	20.22	18.51	109.24
1993	24.27	19.01	127.67
1994	22.18	20.01	108.84
1995	20.27	20.01	101.3
1996	23.41	19.16	122.18
1997	18.74	16.94	110.63
1998	19.24	23.0	83.65
1999	17.13	17.53	97.72
2000	17.86	13.40	133.28

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian di atas adalah seperti dalam carta yang ditunjukkan di bawah:

**Carta 5.3:**  
Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Megah berbanding anggaran



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Kemajuan penanaman kelapa sawit di Ladang Sungai Megah terus dijalankan dimana pada tahun 1996 seluas 1,628.40 hektar kawasan telahpun ditanam semula secara berperingkat.

§

### 5.3.1.1.3 Ladang Sungai Buan<sup>11</sup>

Ladang Sungai Buan terletak di dalam daerah Rompin, Mukim Karatong, Pahang ini telah mula dibangunkan pada tahun 1985. (Lihat lampiran 5.7). Ia diketuai oleh seorang pengurus dan dibantu oleh 6 orang kakitangan termasuk 3 orang penyelia ladang. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai Buan berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


**Jadual 5.8:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Buan berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	14.78	13.72	107.73
1991	18.26	16.98	107.54
1992	20.32	20.07	101.25
1993	26.43	20.77	127.25
1994	25.50	23.97	106.38
1995	22.40	25.45	88.02
1996	24.40	25.10	97.21
1997	25.01	25.40	98.47
1998	22.99	24.68	93.16
1999	28.20	25.0	112.83
2000	20.93	25.43	100.35

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, jadual di atas dapat diringkaskan dalam melalui penggunaan carta di bawah:

**Carta 5.4:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Buan berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.1.1.4 Ladang Sungai Merchong<sup>12</sup>

Ladang Sungai Merchong terletak di dalam daerah Pekan, Mukim Bebar, telah mula dibangunkan pada tahun 1982 dengan jumlah kawasan seluas 2,021 hektar. (Lihat lampiran 5.7) Ladang ini diawasi oleh seorang pengurus dan dibantu oleh 11 orang kakitangan termasuk 4 orang penyelia ladang. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai Merchong berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.9:

Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Merchong berbanding anggaran


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	21.66	21.95	98.68
1991	24.08	24.11	99.88
1992	23.17	24.18	95.82
1993	27.13	22.68	119.62

1994	17.73	24.63	71.99
1995	24.08	24.11	99.87
1996	24.41	24.0	101.72
1997	22.43	26.0	86.27
1998	23.02	23.29	98.82
1999	27.21	22.77	119.50
2000	23.30	23.18	100.55

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai Merchong berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti dalam carta di bawah:

**Carta 5.5:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Merchong berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.1.1.5 Ladang Ulu Chukai<sup>13</sup>

Ladang Ulu Chukai terletak di dalam daerah Kemaman, Mukim Ulu Chukai, Terengganu ini telah mula dibangunkan pada tahun 1982. (Lihat lampiran 5.8)

Ita diketuai oleh seorang pengurus dan dibantu oleh 6 orang kakitangan termasuk 2 orang penyalia ladang. Pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Ulu Chukai berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.10:

Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Ulu Chukai berbanding anggaran


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	21.77	21.28	102.3
1991	20.90	22.92	91.19
1992	20.08	22.74	88.30
1993	23.50	22.74	103.34
1994	19.0	22.17	85.70
1995	20.83	22.51	92.54
1996	21.77	21.35	101.98
1997	20.48	21.35	95.94
1998	20.96	20.80	100.72
1999	26.05	20.30	128.32
2000	20.57	21.50	95.67

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ringkasan jadual di atas dapat dilihat melalui carta di bawah:

Carta 5.6:

Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Ulu Chukai berbanding anggaran



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

### 5.3.1.1.6 Ladang Bukit Lawiang<sup>14</sup>

Ladang Bukit Lawiang terletak di daerah Kluang, Mukim Renggam, Johor telah dibangunkan pada tahun 1982<sup>15</sup> iaitu kira-kira 20 tahun selepas penubuhan LTH. (Lihat lampiran 5.9)

Dengan keluasan sebanyak 2,014 hektar, ladang ini diketuai oleh seorang Pengurus Ladang dan sehingga tahun 2000 ia mempunyai 12 orang pekerja termasuk 6 orang penyelia ladang yang menjalankan tugas di Ladang Kota Bahagia. Sehingga tahun 2000, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Bukit Lawiang berbanding anggaran adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.11:


Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Lawiang berbanding anggaran

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	18.86	17.83	105.78
1991	18.13	20.60	88.01
1992	20.59	20.29	101.48
1993	22.70	24.38	93.11
1994	19.31	24.13	80.02
1995	20.22	24.38	82.94
1996	21.39	22.90	93.41
1997	22.92	21.79	105.19
1998	23.24	22.0	105.64
1999	26.11	22.50	116.04
2000	25.30	22.12	114.38

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian di atas adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah:

**Carta 5.7:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Lawiang berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.1.1.7 Ladang Gunung Sumalayang<sup>16</sup>

Ladang Gunung Sumalayang terletak di dalam daerah Kluang, Mukim Renggam, Johor telah mula dibangunkan pada tahun 1985 dengan jumlah kawasan seluas 2,099.20 hektar (Lihat Lampiran 5.9)

Ladang Gunung Sumalayang diawasi oleh seorang pengurus dan dibantu oleh 9 orang kakitangan termasuk 5 orang penyelia ladang. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil BTS oleh pihak Ladang Gunung Sumalayang berbanding anggaran adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.12:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Gunung Sumalayang berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	11.81	11.70	100.94
1991	17.83	18.28	97.54


1992	21.06	20.21	104.21
1993	21.76	20.80	104.2
1994	20.23	22.18	91.21
1995	18.99	24.15	78.65
1996	21.17	22.32	94.85
1997	23.17	21.53	107.58
1998	23.99	22.50	106.5
1999	25.78	23.47	109.85
2000	24.51	23.0	106.5

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian hasil di atas dapat diringkaskan melalui carta di bawah:

Carta 5.8:

Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Gunung Sumalayang berbanding anggaran



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.1.1.8 Kilang Sawit Kota Bahagia<sup>17</sup>

Selain daripada ladang-ladang yang dijelaskan di atas, TH Plantations juga sepenuhnya memiliki sebuah kilang iaitu Kilang Sawit Kota Bahagia.

Kilang ini dibuka pada tahun 1975 dan ia terletak di Kota Bahagia, Pahang. Secara khusus, kilang ini dibina untuk memudahkan proses pengilangan kelapa sawit dar Ladang Kota Bahagia dan juga ladang-ladang yang berdekatan. Kilang ini berupaya memproses 30 metrik tan buah kelapa sawit sejam.

#### 5.3.1.1.9 Kilang Sawit Bukit Lawiang<sup>18</sup>

Kilang sawit yang dibina di Kluang, Johor ini juga merupakan antara aset yang dimiliki oleh TH Plantations Sdn. Bhd. Ia telah dibuka pada tahun 1989 dan dibina untuk memenuhi keperluan pemprosesan kelapa sawit di kawasan Kluang, Johor khususnya Ladang Bukit Lawiang dan Ladang Gunung Sumalayang. Kilang ini berupaya memproses 45 metrik tan buah tandan kelapa sawit sejam.

#### 5.3.1.2 Anak Syarikat (*Subsidiaries*)

Anak Syarikat merupakan syarikat yang mana TH Plantations Sdn. Bhd. memiliki 50 % dari pada pegangan ekuitinya dan ia juga disebut sebagai syarikat pemegangan.<sup>19</sup> Secara umumnya, TH Plantations Sdn. Bhd. memiliki 2 buah anak-anak syarikat iaitu TH Peladang Sdn. Bhd. dan Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.

### 5.3.1.2.1 TH Peladang Sdn. Bhd.<sup>20</sup>

TH Peladang Sdn Bhd. merupakan anak syarikat TH Plantations Sdn Bhd. yang dikongsi bersama Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. Berdasarkan pegangan saham sebanyak 51 % atau RM 2,882,961. TH Plantations diberikan amanah untuk mengendalikan ladang kelapa sawit seluas 876.04 yang dikenali sebagai Ladang Sungai Ibok yang terletak di Kemaman, Mukim Ulu Chukai, Terengganu. (Lihat lampiran 5.8) Modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat ialah sebanyak RM 5,652,868.00.

Ladang Sungai Ibok telah mula dibangunkan pada tahun 1979 iaitu kira-kira 17 selepas penubuhan LTH. Sehingga tahun 2000, terdapat kira-kira 4 orang pekerja pengurusan di Ladang Sungai Ibok dengan diketuai oleh seorang pengurus dan 2 orang penyelia ladang.

Keseluruhannya, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai Ibok berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.13:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Sungai Ibok berbanding anggaran**


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1990	19.95	21.06	94.73
1991	19.61	21.11	92.89
1992	21.20	21.17	100.14
1993	21.67	20.56	105.39
1994	15.39	21.51	71.55
1995	17.06	20.92	81.53
1996	19.48	20.09	96.93
1997	17.80	20.10	88.58
1998	18.70	19.50	95.90

1999	24.03	19.0	126.48
2000	16.76	20.0	83.79

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ringkasan jadual pencapaian Ladang Sungai Ibok di atas telah diringkaskan melalui carta di bawah:

**Carta 5.9:  
Pencapaian hasil BTS oleh Ladang Sungai Ibok berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Pengeluaran kelapa sawit di Ladang Sungai Ibok akan terus dimajukan dimana pada tahun 2001 seluas 131.50 hektar kawasan telah diperuntukkan untuk penanaman semula memandangkan pengeluran hasil tanaman semakin berkurangan dan tidak produktif.

#### 5.3.1.2.2 Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.<sup>21</sup>

Selain TH Peladang Sdn. Bhd., TH Plantations Sdn. Bhd. juga diamanahkan untuk mengendalikan Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd. yang

dikongsi pegangannya sebanyak 69 % atau RM 11,560,100 dengan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Ladang Bukit Belian terletak di dalam daerah Sandakan, Mukim Segaliud, Sabah dengan keluasan sebanyak 1,088.00 hektar. Modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat adalah sebanyak RM 16,810,354.00.

Pada awal pembukaan ladang ini, kegiatan penanaman adalah merupakan ladang koko. Akan tetapi pada tahun 1993 ia kemudiannya telah digantikan dengan tanaman kelapa sawit memandangkan aktiviti penanaman komoditi ini tidak memberi keuntungan kepada syarikat. Sehingga tahun 2000, Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd. dimajukan secara langsung oleh 5 orang kakitangan dan diketuai oleh seorang pengurus besar dan 2 orang penyelia ladang.

Pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Bukit Belian berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi tahun-tahun sebelumnya iaitu dari tahun 1990 sehingga 1995, Ladang Bukit Belian masih belum mengeluarkan hasil.

Jadual 5.14:


Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Belian berbanding anggaran

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1996	9.78	12.01	81.46
1997	14.38	15.03	95.5
1998	15.87	20.05	79.13
1999	22.96	21.37	107.43
2000	20.39	22.50	90.60

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Bukit Belian berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti dalam carta di bawah:

**Carta 5.10:  
Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Belian berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.1.3 Syarikat Bersekutu (*Associated Company*)

TH Plantations Sdn. Bhd. turut memiliki sebuah syarikat bersekutu dimana ia merupakan syarikat dimana syarikat mempunyai kepentingan ekuiti di antara 20 % dan 50 % dalam modal ekuiti. Selain daripada itu, TH Plantations Sdn. Bhd. juga boleh menjalankan pengaruh yang penting dalam polisi kewangan dan operasi melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah.<sup>22</sup> Syarikat yang dimaksudkan ialah Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd.

### 5.3.1.3.1 Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd.<sup>23</sup>

Disamping anak-anak syarikat, TH Plantations Sdn. Bhd. juga memiliki sebuah Syarikat Bersekutu yang merupakan sebuah kilang sawit yang dikenali sebagai Kilang Sawit Panji Alam Sdn. Bhd. Kilang ini dikongsi bersama-sama dengan beberapa pertubuhan kerajaan seperti KETENGAH, Ketengah Jaya dan FELCRA. Kilang yang terletak di Mukim Ulu Chukai, Kemaman, Terengganu ini ditubuhkan bersama-sama modal berbayar sebanyak RM 7,300,000.

### 5.3.1.4 Agen Pengurusan Ladang (*Management Agent*)

Melihat kepada perkembangan dan kemajuan yang positif dalam sektor peladangan di TH Plantations Sdn. Bhd., anak syarikat LTH ini juga turut diamanahkan untuk menguruskan beberapa buah ladang dan kilang kepunyaian syarikat-syarikat lain. Antaranya ialah TH Estates (Holdings) Sdn. Bhd., TH Indopalms Sdn. Bhd. (PT Multigambut Industri) dan TH Agro Sdn. Bhd.

#### 5.3.1.4.1 TH Estates (Holdings) Sdn. Bhd.<sup>24</sup>

TH Estates (Holdings) Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat LTH yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan perladangan kelapa sawit secara usahasama dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Melalui Syarikat Bangka Ulu Sdn. Bhd. dimana 51 % ekuiti dipegang oleh LTH manakala baki 49 % oleh pihak MAINS, ia menguruskan Ladang Bangka Ulu

Sdn. Bhd. yang terdiri daripada 3 buah ladang kelapa sawit yang terletak di Gemas, Negeri Sembilan dengan keluasan sebanyak 2,771.52 hektar. Ladang-ladang yang dimaksudkan adalah seperti yang tertera dalam jadual berikut:

**Jadual 5.15:**  
**Ladang-ladang di bawah Ladang Bangka Ulu Sdn. Bhd.**

NAMA LADANG	KELUASAN (HEKTAR)
Ladang Londah	1,016.10
Ladang Pasir Besar	809.40
Ladang Bukit Rokan	946.02
<b>JUMLAH</b>	<b>2771.52</b>

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ladang Londah sebagaimana yang disebutkan di atas terletak dalam daerah Gemas, Mukim Gemas, Negeri Sembilan dan telah dibangunkan pada tahun 1989 dengan nama Ladang Bangka Ulu (Lihat lampiran 5.10). Sehingga tahun 2000, terdapat 5 orang kakitangan di ladang ini dengan seorang pengurus dan 2 orang penyelia ladang. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Londah berbanding anggaran adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi tahun-tahun sebelumnya iaitu dari tahun 1990 sehingga 1991, Ladang Londah masih belum mengeluarkan hasil. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1992 hingga 1994, penulis tidak mendapat rekod yang dikehendaki dari TH Plantations Sdn. Bhd.

**Jadual 5.16:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Londah berbanding anggaran**


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1995	13.36	9.62	138.82
1996	14.98	15.22	98.40
1997	17.64	18.22	96.85

1998	13.74	18.50	74.25
1999	21.01	18.54	113.33
2000	18.63	18.50	100.51

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Secara ringkas dan tersusun, pencapaian hasil BTSdi atas adalah seperti dalam carta di bawah:

**Carta 5.11:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Londah berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ladang Pasir Besar juga terletak juga di kawasan yang sama telah dibangunkan pada tahun 1992. (Lihat lampiran 5.10) Dengan seorang pengurus dan 2 orang penyelia dibantu oleh 2 orang lagi kakitangan, ladang ini telah menunjukkan pengeluaran kelapa sawit yang positif semenjak tahun 1995 sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi tahun-tahun sebelumnya iaitu dari tahun 1990 sehingga 1994, Ladang Pasir Besar masih belum mengeluarkan hasil.


**Jadual 5.17:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Pasir Besar berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1995	4.75	2.50	138.82
1996	6.43	5.47	117.55
1997	9.73	11.52	84.46
1998	8.06	13.0	62.0
1999	14.30	13.29	107.60
2000	19.01	17.00	111.79

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ringkasan jadual di atas dapat ditunjukkan melalui carta di bawah:

**Carta 5.12:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Pasir Besar berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Manakala Ladang Bukit Rokan pula dibangunkan pada tahun 1993 dan terletak di daerah dan mukim yang sama dengan Ladang Pasir Besar dan Ladang Londah. (Lihat lampiran 5.10) Ia telah dimajukan oleh 5 orang kakitangan dengan diketuai oleh seorang pengurus dan 2 orang penyelia ladang.

Keseluruhananya, pencapaian Ladang Bukit Rokan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Bagi tahun-tahun 1990 sehingga 1995, Ladang Bukit Rokan masih belum mengeluarkan hasil.


**Jadual 5.18:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Rokan berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1996	5.30	5.0	10.0
1997	6.33	6.79	93.23
1998	7.15	9.05	79.01
1999	11.41	10.15	112.41
2000	11.12	12.61	88.26

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Ringkasnya, jadual di atas dapat ditunjukkan dalam carta berikut:

**Carta 5.13:**  
**Pencapaian Hasil BTS oleh Ladang Bukit Rokan berbanding anggaran**



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

### 5.3.1.4.2 TH Indopalms Sdn. Bhd. (PT Multigambut Industri)<sup>25</sup>

TH Indopalms Sdn. Bhd. merupakan syarikat milik penuh LTH ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan perladangan di Indonesia melalui PT. Multigambut Industri (PTMGI). PTMGI adalah sebuah syarikat usahasama antara pihak LTH yang memegang ekuiti sebanyak 70 % dan 30 % dimiliki oleh rakan-rakan kongsi di Indonesia. Pada tahun 1996, PTMGI telah diambil alih oleh TH Indopalms dan telah didaftarkan sebagai syarikat Penanaman Modal Asing (PMA) dengan modal seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.19:  
Modal Dibenar dan Berbayar di TH Indopalms Sdn. Bhd.**

JENIS MODAL	JUMLAH
Modal Dibenar	RM 180,000,000
Modal Berbayar	RM 180,000,000

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Manakala pemegang-pemegang saham PT. Multigambut Industri sehingga tahun 2000 adalah seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.20:  
Pemegang-pemegang saham PT. Multigambut Industri**

PEMEGANG SAHAM	PERATUSAN
TH Indopalms Sdn. Bhd.	70 %
Exton Assets Corporation	10 %
Optigulf Industries Sdn. Bhd.	10 %
PT. Prima Sakti Rizki Pertiwi	10 %

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Proses pengambilalihan syarikat telah dibuat melalui perjanjian usahasama yang ditandatangani di Jakarta pada 4 November 1995 berdasarkan tanah yang dimiliki oleh PTMGI seluas 83,622.24 hektar. Tanah ini dinilai pada harga RM 1,000 sehektar bagi penilaian ekuiti ini. Nilai tanah RM 1,000 sehektar ini diambil setelah rundingan dibuat dan berdasarkan penilaian firma antarabangsa PT. Asean Appraisal Indonesia pada 31 Ogos 1995 ke atas tanah yang dimaksudkan di atas.

Sebahagian besar projek PTMGI ini terletak di Hilir Sungai Guntung dan Sungai Kateman di dalam Kacamatan Kateman, Kabupaten Indragiri Hilir dan di Kabupaten Palalawan, di Riau, Indonesia (Lihat lampiran 5.11). Di dalam kawasan perladangan Multigambut Industri, terdapat 24 buah ladang yang dibahagikan kepada 4 wilayah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.21:**  
Ladang-ladang penanaman kelapa sawit oleh PT Multigambut Industri

NAMA LADANG	JUMLAH KAWASAN BERTANAM
<b>WILAYAH 1</b>	
Ladang Pulai	2200
Ladang Cendana	2835
Ladang Sengkawang	2700
Ladang Jati	3775
Ladang Suntai	3400
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>14,910</b>
<b>WILAYAH 2</b>	
Ladang Sungkai	3110
Ladang Marsawa	2850
Ladang Kempas	2600
Ladang Resak	3050
Ladang Ramin	3050
Ladang Merbau	3050
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>17,710</b>
<b>WILAYAH 3</b>	
Ladang Mahoni	2765
Ladang Terentang	3000

Ladang Tembusu	2950
Ladang Jelutung	2875
Ladang Meranti	3150
Ladang Beringin	2600
JUMLAH KECIL	17,240
<b>WILAYAH 4</b>	
Ladang Keruing	3050
Ladang Nyato	2900
Ladang Balam	2900
Ladang Bintangor	2900
Ladang Agatis	2900
Ladang Geronggang	2590
Ladang Mahang	2900
JUMLAH KECIL	20,140
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>70,000</b>

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Memandangkan projek ini masih lagi baru dan dianggap dalam peringkat pendahuluan dan pembangunan, maka jumlah hasil yang diperolehi juga masih tidak banyak dan hasil yang pertama diperolehi pada tahun 2000 untuk keluasan sebanyak 6686 hektar. (Lihat lampiran 5.12)

Bagi menampung keperluan keseluruhan pemprosesan BTS, PTMGI telah merancang pembinaan 4 buah kilang sawit. Kilang yang pertama yang terletak di Ladang Pulai yang berkapasiti 120 metrik tan sejam akan beroperasi pada Ogos, 2001. Manakala kilang yang kedua yang terletak di Ladang Nyato berkapasiti 60 metrik tan sejam dijangka beroperasi pada Jun, 2002.

Sehingga tahun 2000, PTMGI mempunyai jumlah pekerja seramai 6,661. Manakala struktur pentadbiran PTMGI terbahagi kepada 5 *departmen* iaitu:

1. *Departmen Kewangan* (Wakil Ketua Pagawai Eksekutif)
2. *Departmen Personalia dan Administrasi*

3. *Departmen* Operasi dan Produksi
4. *Departmen* Kejuruteraan
5. *Departmen* Umum

Setiap daripada jabatan-jabatan atau *departmen-departmen* ini mempunyai tanggungjawab yang tersendiri. Yang pertama iaitu *Departmen* Kewangan yang merupakan jabatan yang bertanggungjawab atas semua urusan pentadbiran kewangan dan sistem perakaunan syarikat. Jabatan ini juga perlu menyelia dan mengawal segala peruntukan syarikat.

Jabatan *Personalia dan Administrasi* pula merupakan bahagian sumber kemanusiaan dimana urusan pengambilan, latihan, kenaikan pangkat, pertukaran, pentadbiran gaji dan urusan disiplin anggota adalah di bawah tanggungjawab jabatan ini. Selain itu, jabatan ini juga perlu mengadalikan segala bentuk urusan pembelian.

Jabatan Operasi dan Produksi merupakan jabatan yang diamanahkan untuk mengawasi perjalanan harian ladang-ladang syarikat disamping mengimplementasi dan mengambil tindakan susulan ke atas teguran dan arahan-arahan yang diberi oleh Penasihat Penanaman ke atas setiap ladang yang dilawati. Jabatan ini turut bertanggungjawab untuk mengawasi urusan logistik, program penanaman, urusan keselamatan, urusan kesihatan dan kebajikan anggota serta perlu menangani urusan perhubungan dengan pihak berkuasa kerajaan.

Seterusnya ialah Jabatan Kejuruteraan yang ditugaskan untuk mengawasi segala kerja-kerja pembinaan kilang yang sedang rancak dijalankan dan juga perlu memberikan khidmat nasihat kepada Pengurus/Jurutera Kilang di dalam semua aspek kejuruteraan. Yang terakhir iaitu Jabatan Umum dimana jabatan ini perlu mengendalikan urusan audit dalaman syarikat dan perlu mengawasi urusan pemasaran hasil pengeluaran syarikat. Di samping itu, jabatan ini turut diamanahkan untuk mengendalikan urusan perekaian syarikat dan juga perlu mengawasi urusan EDP syarikat.

#### 5.3.1.4.3 TH Agro Sdn. Bhd.<sup>26</sup>

Projek usahasama perladangan kelapa sawit di antara LTH dan Janoub Philippines Development Corporation ini merupakan satu projek yang melibatkan pembangunan jemaah haji khususnya umat Islam di kedua-dua buah negara iaitu Malaysia dan Filipina. Secara khusus, projek ini terletak di Tagoloan, daerah Lanao Del Sur, 64 km daripada Cagayan De Oro City, Mindanao, Filipina. (Lihat Lampiran 5.13)

Pada bulan Februari, tahun 1994, Tabung Haji telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Philippines Hajj & Endowment Foundation Inc. (FILLHAJJ) untuk membangunkan pelaburan disektor perladangan dengan niat untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti Islam di Mindanao, Filipina.

Oleh yang demikian, bagi melaksanakan memorandum tersebut, satu perjanjian usahasama di antara Tabung Haji dan Janoub Philippines Development Corporation telah ditandatangani pada 25 Oktober 1996. Maka, bertitiktolak dengan memorandum tersebut, sebuah syarikat usahasama telah ditubuhkan dengan nama Tabung Haji Janoub Philippines Plantation Inc. Tabung Haji dengan malalui anak syarikatnya Bounticrest Corporation (sekarang dikenali dengan nama TH Agro) memegang 60 % ekuti manakala rakan kongsi tempatan, Janoub Philippines Development Corporation memegang 40 % ekuti.

Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, projek perladangan yang dirancang ini menghadapi beberapa masalah yang menyebabkan perjalanannya dan kemajuannya terlalu perlahan dan lambat. Sehingga kini, hanya seluas 977 hektar kawasan telah dibangunkan merangkumi kawasan bertanam seluas 962 hektar dan 15 hektar tapak semain iaitu hanya 15 % daripada keluasan keseluruhan kawasan. Pada masa ini semua kerja ladang telah diberhentikan bermula pada bulan Januari 2001. Pencapaian pembangunan projek adalah jauh ketinggalan dari perancangan yang sepatutnya. Hasil daripada korksi terhadap perjalanan pembangunan projek ini, beberapa masalah telah dikenalpasti yang menyebabkan berlakunya kelewatan semasa perlaksanaan projek.<sup>27</sup>

Punca yang utama ialah komitmen rakan kongsi. Pihak rakan kongsi gagal memberi komitmen sepenuhnya dalam membantu pihak pengurusan menangani masalah penerimaan penduduk setempat terhadap projek ini. Selain daripada itu, pertikaian sempadan di antara pihak berkuasa tempatan mengenai kedudukan tapak projek juga tidak dapat diselesaikan oleh rakan kongsi dengan berkesan.

Faktor keselamatan serta gangguan daripada penduduk setempat juga merupakan antara penyumbang utama terhadap kelewatan perlaksanaan projek. Penduduk setempat yang menggunakan senjata api sebagai lambang kekuasaan antara mereka seringkali menggugat ketenteraman dan keselamatan kakitangan dan pekerja. Kegagalan pihak berkuasa tempatan untuk mengekang keadaan telah mewujudkan kawasan tapak projek sebagai kawasan yang tidak selamat.

Oleh yang demikian, apa yang dapat kita lihat dari keadaan yang ada di Mindanao ini, pihak pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang positif bagi memastikan perlaksanaan kerja-kerja pembangunan berjalan lancar. Walau bagaimanapun, agak sukar bagi pihak pengurusan untuk melibatkan diri secara langsung terhadap permasalahan sosial dan politik tempatan yang agak sensitif. Justeru, berdasarkan daripada kemajuan keseluruhan projek dan situasi politik setempat, dapatlah dirumuskan bahawa projek ini tidak berdaya maju dan tidak memberi pulangan perniagaan untuk jangkamasa panjang memandangkan banyak masalah yang dihadapi tanpa penyelesaian, maka pihak TH Plantations Sdn. Bhd. telah mencadangkan kepada LTH agar projek ini diserahkan keseluruhannya kepada '*Autonomous Region of Muslim Mindanao*' (ARMM) untuk ditadbirkan.

### 5.3.2 TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.<sup>28</sup>

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, TH Plantations Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji (LTH) yang banyak menjalankan gerak kerja berkaitan dengan perladangan di Semenanjung

Malaysia. Manakala di Sabah dan Sarawak pula, penyelarasan dan pengawasan ladang-ladang yang terdapat di negeri-negeri di pantai timur Malaysia diletakkan dibawah tanggungjawab TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.

TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 9 Julai 1982 dan dikenali sebagai Ladang Tabung Haji (Sabah) Sdn. Bhd. di bawah Akta Syarikat 1965. Seterusnya, pada 22 Oktober 1996, Ladang Tabung Haji (Sabah) Sdn. Bhd. telah ditukar nama kepada Ladang Tabung Haji (Sabah dan Sarawak) Sdn. Bhd. dan seterusnya pada tahun 2000 namanya telah ditukar lagi kepada TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Sejajar dengan perubahan nama yang berlaku, pada tahun yang sama aktiviti perladangan yang dijalankan oleh Ladang Tabung Haji (Sabah) Sdn. Bhd atau dengan nama lain sebagai TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. telah berkembang ke Sarawak dengan pembukaan ladang di Bintulu.<sup>29</sup>

TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh LTH dan menjalankan aktiviti berteraskan tanaman kelapa sawit dan kayu jati. Perjalanan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. bermula dengan ladang pemilikan sendiri seluas 3,864.0 hektar dan sebuah kilang memproses Buah Tandan Segar (BTS) dengan kapasiti 30 metrik tan sejam. Sehingga tahun 2000, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. memiliki dan menguruskan ladang kelapa sawit dan jati dengan keluasan sebanyak 31,825.2 hektar.<sup>30</sup> (Lihat lampiran 5.14)

Selain memiliki dan menguruskan ladang sendiri, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. juga mempunyai anak-anak syarikat, syarikat bersekutu dan

juga bertindak sebagai agen pengurusan.<sup>31</sup> (Lihat lampiran 5.15) Sehingga tahun 2000, jumlah kakitangan di Ibu Pejabat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. adalah seramai 22 orang. Manakala, jumlah kakitangan pengurusan ladang ialah seramai 30 orang dan jumlah kakitangan bukan pengurusan peringkat ladang pula adalah seramai 85 orang. Tenaga buruh keseluruhan ladang dan kilang secara kasarnya adalah seramai 1,735 orang.<sup>32</sup>

Sebagai salah sebuah badan korporat yang menjadi antara penyumbang utama kepada aktiviti ekonomi di LTH, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. turut menggariskan misi syarikat yang menjadi tunjang dan matlamat utama setiap gerak kerja aktiviti perladangan yang dilakukan. Misi yang dimaksudkan adalah untuk menjadi sebuah syarikat perladangan sawit dan perhutanan yang besar, berwibawa dan berdaya maju di Sabah dan Sarawak.<sup>33</sup>

Struktur organisasi TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif. Di dalam pentadbiran TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., terdapat 6 buah Bahagian yang mana setiap bahagian ini diketuai oleh seorang pengurus. (Lihat lampiran 5.16) Bahagian-bahagian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1. Bahagian Kewangan
2. Bahagian Pemasaran
3. Bahagian Pentadbiran dan Perjawatan
4. Bahagian Ladang
5. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
6. Bahagian Tanaman (Penasihat Tanaman)

Tugas dan tanggungjawab setiap bahagian adalah hampir sama dengan tugas-tugas bahagian yang ada dalam struktur pentadbiran TH Plantations Sdn. Bhd.

Melihat kembali kepada aktiviti utama Tabung Haji Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. iaitu perladangan kelapa sawit dan kayu Jati, walaupun masih dianggap setahun jagung dan hasil daripada perladangan tidak sebanyak yang diperolehi melalui TH Plantations Sdn. Bhd., namun ia masih mampu untuk membayar keuntungan dan dividen kepada pihak Tabung Haji secara konsisten dari tahun-tahun 1994 sehingga 2000 sebagaimana yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.22:


Keuntungan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.  
dan pembayaran dividen kepada LTH dari tahun 1994 – 2000

TAHUN	KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (RM)	DIVIDEN DIBAYAR (RM)	PERATUS DIVIDEN DIBAYAR (%)
1994	15,023,936	3,500,000	11.11
1995	19,825,279	2,000,000	-
1996	11,690,996	3,780,000	12
1997	18,066,996	10,800,000	33.33
1998	35,197,205	12,600,000	33.89
1999	9,385,520	14,400,000	44.44
2000	6,522,921	6,480,000	20
<b>JUMLAH</b>	<b>345,418,247</b>	<b>332,500,000</b>	

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Secara jelas, jadual di atas dapat diringkaskan melalui penggunaan carta di bawah:

**Carta 5.14:**  
**Keuntungan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd.**  
**dan pembayaran dividen kepada LTH dari tahun 1994 - 2000**



Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

### 5.3.2.1 Pemilikan Penuh (*own estates*)

Sebagaimana yang disebutkan di atas, syarikat pemilikan penuh merupakan syarikat atau secara khususnya ladang-ladang dan kilang-kilang sawit yang dimiliki oleh LTH melalui anak syarikatnya iaitu TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. dengan pegangan saham sebanyak 100 %.<sup>34</sup> Antara ladang-ladang dan kilang-kilang yang merupakan milikan LTH secara penuh adalah Ladang Sungai Koyah, Ladang Sungai Tenegang, Ladang Serudung dan Kilang Sawit Sungai Tenegang.

Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. ialah penanaman kelapa sawit, pengilangan buah tandan segar dan penjualan minyak kelapa sawit dan produk-produk yang berkaitan dengan kelapa sawit. Aktiviti yang kedua ialah berkaitan dengan kayu jati

bermula dari proses penanamannya sehingga kepada pemasaran kayu ini dan pemasaran produk-produk lain yang berkaitan dengan kayu katil. Seterusnya ialah sebagai agen pengurusan kelapa sawit dan juga kayu jati.

\*

### 5.3.2.1.1 Ladang Sungai Koyah<sup>35</sup>

Ladang Sungai Koyah terletak di Km. 41, Lahad Datu, Sandakan, Sabah mempunyai keluasan sebanyak 2044.00 hektar. (Lihat lampiran 5.14) Ia telah dibangunkan pada tahun 1988. Apabila TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. diasaskan, ladang ini menjadi milik Tabung Haji 100 %.

Secara keseluruhan, pencapaian hasil BTS yang berjaya dikeluarkan oleh pihak Ladang Sungai Koyah berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5.23:

Pencapaian Hasil BTS Ladang Sungai Koyah berbanding anggaran


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1996	26.17	27.75	94.31
1997	26.04	28.01	92.97
1998	18.47	27.05	68.28
1999	25.77	25.70	100.27
2000	22.35	25.95	86.13

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. LTH

Pencapaian di atas dapat diringkaskan melalui carta di bawah:

**Carta 5.15:**

Pencapaian Hasil BTS Ladang Sungai Koyah berbanding anggaran



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH), LTH

#### 5.3.2.1.2 Ladang Sungai Tenegang<sup>46</sup>

Ladang Sungai Tenegang juga terletak di Km. 41, Lahad Datu, Sandakan, Sabah (Lihat lampiran 5.14) mempunyai keluasan sebanyak 1919.6 hektar dan dibuka pada tahun 1987.

Pencapaian hasil BTS oleh pihak Ladang Sungai Tenegang berbanding anggaran yang dibuat adalah seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.24:**

Pencapaian Hasil BTS Ladang Sungai Tenegang berbanding anggaran


TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1996	25.42	27.74	109.13
1997	26.31	28.02	106.50
1998	21.05	27.47	76.63
1999	26.48	27.47	96.40
2000	21.84	27.74	78.73

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. LTH

Perbandingan anggaran dan pencapaian di atas dapat diringkaskan melalui carta di bawah:

Carta 5.16:

Pencapaian Hasil BTS Ladang Sungai Tenegang berbanding anggaran



Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.2.1.3 Ladang Serudung<sup>37</sup>

Ladang Serudung yang terletak di Km. 125, Jalan Tawau, Kalabakan, Tawau, Sabah ini mempunyai keluasan ladang sebanyak 954.6 hektar. (Lihat lampiran 5.14) Ladang ini baru sahaja ditubuhkan pada tahun 1999. Oleh yang demikian, ia masih lagi dalam proses penanaman dan tiada hasil yang dikeluarkan.

### 5.3.2.1.4 Kilang Sawit Sungai Tenegang<sup>38</sup>

Kesemua Buah Tandan Segar yang ditanam di ladang-ladang kepunyaan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. akan diproses menjadi minyak sawit mentah dan isi buah kelapa sawit di Kilang Sawit Sungai Tenegang yang terletak di Lahad Datu, Sabah. Kilang ini mampu memproses 30 metrik tan kelapa sawit satu jam. Selain daripada itu, kilang ini turut memproses sebanyak kira-kira 30 % kelapa sawit yang dibawa dari ladang-ladang yang berdekatan dan pengusaha kebun atau ladang yang kecil. Hasil-hasil daripada kilang ini akan disalurkan dan dijual kepada Lahad Datu Edible Oil Sdn. Bhd., Kwantas Oil Sdn. Bhd. dan IOI Edible Oils Sdn. Bhd. (Lihat lampiran 5.17)

### 5.3.2.2 Anak Syarikat (*Subsidiaries*)

Anak Syarikat pula sebagaimana yang telah dijelaskan merupakan syarikat yang mana Lembaga Tabung Haji (LTH) memiliki 51 % daripada pegangan saham atau ekuitinya dan ia juga disebut sebagai syarikat pemegangan.<sup>39</sup> Secara umumnya, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. memiliki 2 buah anak-anak syarikat iaitu Ladang Jati Keningau dan Syarikat Sabaco Sdn. Bhd.

### 5.3.2.2.1 Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.<sup>40</sup>

Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 19 Januari 1996 dan dikenali sebagai Holdford Corporation Sdn. Bhd. dengan modal dibenarkan sebanyak RM 50 juta dan modal berbayar sehingga kini sebanyak RM 21,206,372.00. Selaras dengan sektor perladangan jati, maka pada 29 Januari 1997 namanya telah ditukar kepada Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.

Dari segi pembahagian ekuiti, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. memiliki 80.98 % pegangan ekuiti Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd. manakala bakinya sebanyak 19.02 % dimiliki oleh Stephen Yeo. Sehingga kini jumlah kakitangan ladang yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan perkeranian adalah seramai 7 orang dan tenaga buruh pula seramai 115 orang.

Ladang Jati Keningau mula dibangunkan di kawasan seluas 1550.0 hektar di Batu, 69 Jalan Nabawan di daerah Keningau, Sabah pada tahun 1997. Sehingga kini seluas 1,467.82 hektar telah ditanam dengan Jati berjumlah 1,598,346 pokok. Sehingga tahun 2000 ini, kesemua pokok yang telah ditanam berumur hampir 3 tahun. Hasil pertama dijangkakan akan diperolehi pada tahun 2003/2004, hasil kedua pula pada tahun 2008/2009 dan yang terakhir ialah pada 2013/2014. (Lihat lampiran 5.18)

### 5.3.2.2.2 Syarikat Sabaco Sdn. Bhd.<sup>41</sup>

Syarikat Sabaco Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1987 dengan modal dibenarkan sebanyak RM 30 juta. Ia terdiri daripada 2 buah ladang iaitu Ladang Bukit Gold dan Ladang Mamahat. Modal berbayar sehingga kini ialah sebanyak RM 25,784,815.00. Syarikat Sabaco Sdn. Bhd. merupakan syarikat usahasama di antara TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. dengan Musman Holdings Sdn. Bhd. dimana TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. memiliki 62.2 % dan selebihnya 37.8 % dimiliki oleh Musman Holdings Sdn. Bhd.

Ladang Bukit Gold telah dibangunkan pada tahun 1991 dengan keluasan sebanyak 2,061.43 hektar dan ianya berteraskan tanaman kelapa sawit sepenuhnya. Manakala Ladang Mamahat pula yang bekeluasan 2,077 hektar telah dibangunkan pada tahun 1999. Ladang ini masih diperingkat pembangunan pada tahap 95 % telah siap. Pencapaian hasil BTS yang berjaya dihasilkan oleh Ladang Bukit Gold adalah seperti dalam jadual di bawah:


**Jadual 5.25:**  
**Pencapaian Hasil BTS Ladang Bukit Gold berbanding anggaran**

TAHUN	SEBENAR (Mt/Ha)	ANGGARAN (Mt/Ha)	PENCAPAIAN (%)
1996	9.40	10.0	94
1997	17.12	16.49	103.82
1998	18.32	22.0	83.27
1999	18.04	22.49	80.21
2000	29.15	24.02	121.364

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. LTH

Secara ringkas, pencapaian di atas dapat dilihat melalui carta di bawah:

**Carta 5.17:**  
**Pencapaian Hasil BTS Ladang Bukit Gold berbanding anggaran**



Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

#### 5.3.2.3 Syarikat Bersekutu (*Associated Company*)

TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. turut memiliki sebuah syarikat bersekutu dimana kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti di antara 20 % dan 50 % dalam modal ekuiti. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan dalam perbincangan sebelumnya. Selain daripada itu, kumpulan atau LTH juga boleh menjalankan pengaruh yang penting dalam polisi kewangan dan operasi melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah.<sup>42</sup> Syarikat yang dimaksudkan ialah Ladang Bukit Belian.

##### 5.3.2.3.1 Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd.<sup>43</sup>

Ladang Bukit Belian Sdn. Bhd. terdiri daripada sebuah ladang yang bernama Ladang Bukit Belian terletak di Jalan Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan merupakan ladang yang mempunyai keluasan sebanyak 1,088 hektar. TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat ini sebanyak 31 % manakala selebihnya iaitu 69 % dimiliki oleh TH Plantations Sdn. Bhd. Ladang ini diuruskan sepenuhnya oleh TH Plantations Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji (LTH) sepenuhnya. Maklumat lengkap dan menyeluruh mengenai ladang ini terdapat dalam Bab 5.3.1.2.

#### 5.3.2.4 Agen Pengurusan Ladang (*Management Agent*)

Sebagai tambahan, berdasarkan reputasi cemerlang yang ditunjukkan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam semua jenis aktiviti kewangan yang dijalankan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. telah diberi kepercayaan untuk menjadi agen pengurusan ladang bagi menguruskan beberapa ladang dan syarikat lain. Antaranya ialah Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd., TH Bonggaya Sdn. Bhd. dan TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.

##### 5.3.2.4.1 Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd.<sup>44</sup>

Ladang Sawit Bintulu bertempat di Bintulu, Sarawak ditanam sepenuhnya dengan kelapa sawit. Syarikat yang menguruskan ladang ini iaitu Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 17 Desember 1996 di

bawah Akta Syarikat, 1965 dengan modal dibenarkan sebanyak RM 30 juta dan modal berbayar ialah RM 21,354,312.00 juta. Pegangan ekuiti bagi ladang ini dimiliki sebanyak 70 % oleh LTH dan selebihnya sebanyak 30 % dimiliki oleh Semai Mekar Sdn. Bhd.

:

Di bawah syarikat Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd. terdapat sebuah ladang iaitu Ladang Semilajau peringkat 1 dan 2 yang bertempat di Bintulu dan dibuka pada tahun 1998. Ladang ini bertempat di Bintulu dengan keluasan sebanyak 7000 hektar dan yang boleh dibangunkan sebagai ladang sebanyak 5411 hektar. Ladang ini masih di dalam peringkat pembangunan sebanyak hampir 70 % telah siap. Sehingga tahun 2000, jumlah tenaga pengurusan di Ladang Sawit Bintulu Sdn. Bhd. ialah seramai 15 orang dan tenaga buruh pula seramai 201 orang.

Schigga kini terdapat 927 hektar kawasan berhasil yang mula dituai pada akhir tahun 2000 di peringkat 1 Ladang Semilajau. Hasil-hasil yang diperolehi dihantar ke Kilang Sawit Rajawali yang dimiliki oleh Austral Enterprise Sdn. Bhd. di Bintulu, Sarawak. Ladang Semilajau akan mula mengeluarkan hasil pada tahun 2001 dengan anggaran hasil sebanyak 11.60 metrik tan sehektar.

#### 5.3.2.4.2 TH Bonggaya Sdn. Bhd.<sup>45</sup>

TH Bonggaya Sdn. Bhd. yang merupakan ladang Jati telah ditubuhkan pada 23 Oktober 1998 dengan modal dibenarkan sebanyak RM 30 juta dan

modal berbayar sehingga kini sebanyak RM 5,245,000.00. Ladang yang telah dibangunkan di Sandakan, Sabah ini merupakan syarikat milik penuh LTH.

Di TH Bonggaya Sdn. Bhd. pada perancangan asalnya terdapat 5 buah ladang iaitu Ladang Klagan 1 hingga dan Ladang Klagan 5. Ladang Klagan 1 dibangunkan pada tahun 2000 di kawasan seluas 10,117.0 hektar di Hutan Simpan Bonggaya, Sandakan, Sabah manakala Ladang Klagan yang lain-lain pula masih dalam proses perancangan.

Sehingga kini, jumlah kakitangan pengurusan dan perkeranian yang ada di TH Bonggaya Sdn. Bhd. adalah seramai 3 orang dan tenaga buruh pula adalah seramai 100 orang.

#### 5.3.2.4.3 TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.<sup>46</sup>

TH Usia Jatimas Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang bertempat di Sandakan, Sabah telah ditubuhkan pada 28 September 1997 dengan modal dibenarkan sebanyak RM 50 juta dan modal berbayar sebanyak RM 8,587,002. Ia merupakan satu syarikat usahasama di antara LTH yang memegang sebanyak 70 % ekuiti dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dengan pegangan ekuiti sebanyak 30 %.

Pada 27 Oktober 1998 pula, satu perjanjian usahasama ditandatangani oleh LTH dengan United Sabah Islamic Association (USIA) bagi membangunkan kawasan seluas 4 ribu hektar di Hutan Simpan Bonggaya Sabah

untuk projek perladangan perhutanan dengan membabitkan kos pembangunan lebih dari 50 juta. Pelaburan ini hasil daripada timbulnya kesedaran tentang kemasuhan alam sekitar dan keuntungan yang dijangkakan akan lebih menguntungkan.<sup>47</sup>

§

Ladang Jatimas mula dibangunkan pada tahun 1999 di dalam kawasan seluas 4,045.0 hektar di Hutan Simpan Bonggaya, Sabah. Sehingga kini seluas 2,043.30 hektar tanah telah dibangunkan di bawah Ladang Jatimas 1. Daripada jumlah keluasan tanah ini, sejumlah 573,061 pokok telah ditanam di kawasan seluas 458 hektar manakala bagi tahun 2001 pula, seluas 1,5000.00 hektar pula dijangka akan dibangunkan di bawah Ladang Jatimas 2. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2000, tiada lagi hasil daripada ladang ini memandangkan tempoh usia matang pokok Jati yang agak lama.

### 5.3 Prospek Lembaga Tabung Haji (LTH) dalam Sektor Perladangan

Penglibatan LTH dalam sektor perladangan merupakan satu keputusan dan tindakan yang bijak. Sehingga ke hari ini, sektor perladangan yang diceburi oleh LTH telah memberi pulangan yang lumayan dan berterusan kepada pendeposit dan juga pelabur-pelabur lain. Malah, amanah yang diberikan oleh para pendeposit kepada pihak LTH dapat dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab dan berdedikasi dengan adanya perancangan yang teliti dan usaha berterusan yang besungguh-sungguh.

Melihat kepada keperluan kelapa sawit dunia amnya, sektor pelaburan ini akan membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Sebagai bukti, dalam satu pembentangan dan kajian yang telah dibuat oleh LTH dan badan-badan kerajaan dan berkanun yang berkaitan dengan kelapa sawit, keperluan minyak kelapa sawit dunia akan meningkat untuk beberapa tempoh yang panjang sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:


Jadual 5.26:  
Keperluan minyak kelapa sawit dunia bagi tempoh 1996 – 2020

TAHUN	JUTA TAN
1996-2000	103.4
2001-2005	121.2
2006-2010	150.2
2011-2015	156.4
2016-2020	175.3

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Peningkatan keperluan minyak kelapa sawit dunia dapat dilihat secara jelas melalui carta di bawah:


Carta 5.18:  
Peningkatan Keperluan Minyak Sawit Dunia



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Namun demikian, apa yang membimbangkan ialah penghasilan minyak sawit dunia pada tahun 1983 hingga 2000 kelihatan seakan-akan tidak mampu untuk memenuhi keperluan dunia sebagaimana yang dilihat dalam carta di atas. Hasil minyak sawit yang telah dikeluarkan dapat dilihat melalui carta seterusnya yang mana ia memperlihatkan satu jurang yang besar antara keperluan dan hasil minyak sawit dunia.

Carta 5.19:  
Hasil Minyak Sawit Dunia Bagi Tahun 1983-2000




Sumber: Malaysian Palm Oil Promotion Council

Melihat kepada jadual yang ditunjukkan di atas, dapat disimpulkan bahawa peningkatan permintaan terhadap minyak kelapa sawit akan terus meningkat dari tahun-tahun 2000 sehingga tahun 2020. Malah, kawasan penanaman kelapa sawit juga akan meningkat kepada 280,000 hektar setahun bagi memenuhi kehendak sawit dunia.<sup>48</sup>

Tambahan pula, adalah dijangkakan bahawa permintaan yang meningkat ini adalah berikutan dengan meningkatnya kadar kesedaran di kalangan manusia mengenai khasiat kelapa sawit. Ini kerana, berasaskan kepada kajian saintifik,

minyak sawit dikatakan sebagai tumbuhan yang mempunyai kadar Vitamin E yang paling tinggi berbanding minyak-minyak yang lain<sup>49</sup> sebagaimana yang akan dibuktikan melalui carta di bawah:


Carta 5.20:  
Kandungan Vitamin E dalam Lemak dan Minyak



Sumber: Malaysian Palm Oil Promotion Council

Di samping itu, mengikut kajian yang dijalankan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOB) hasil minyak yang dikeluarkan oleh kelapa sawit jauh lebih besar berbanding bahan-bahan lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah<sup>50</sup>:

**Carta 5.21:**  
**Bahan Penghasilan Minyak Dunia (Tahun 1999/2000)**



Sumber: Malaysian Palm Oil Promotion Council


Oleh yang demikian, dapatlah dibuktikan melalui carta di atas bahawa minyak kelapa sawit merupakan sumber utama minyak dunia pada hari ini. Maka, pengeluaran minyak ini perlu selari dengan permintaan yang akan datang bagi memastikan segala kehendak pengguna dipenuhi.

...  
...

Secara khususnya pula di Malaysia, peningkatan keperluan kepada industri dan bahan hasil dari kelapa sawit juga turut meningkat. Tambahan pula, peningkatan penanaman kelapa sawit yang amat ketara di negara kita ini telah menjadikan Malaysia antara negara pengeluar dan pengeksport utama dan terbesar kelapa sawit dunia. Peratusan pengeluaran kelapa sawit dari negara kita adalah 52 % hingga 62 % dari keseluruhan pengeluaran dan eksport kelapa sawit dunia.<sup>51</sup> Malah, industri ini turut memberikan pulangan yang tinggi kepada ekonomi negara dimana hasil eksport negara telah meningkat dari tahun 1995 dengan RM 13 billion kepada RM 19.50 billion pada tahun 1999. Buktinya dapat

dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh MPOB mengenai peratusan negara-negara pengeluar minyak sawit dunia sebagaimana yang dijelaskan dalam carta yang ditunjukkan di bawah:

Carta 5.22:  
Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit Dunia




Sumber: Malaysian Palm Oil Promotion Council

Melihat kepada industri perladangan kelapa sawit secara khusus, penanaman kelapa sawit di Malaysia dipelopori oleh ladang-ladang yang dimiliki oleh estet swasta atau '*private estates*'. Perkara ini jelas ditunjukkan di dalam carta di bawah yang melihat pembahagian penanaman kelapa sawit Malaysia kepada beberapa badan-badan kerajaan, badan-badan berkanun dan juga syarikat-syarikat swasta dan ini termasuklah LTH. Secara ringkasnya, badan-badan swasta ini termasuklah LTH sendiri memainkan peranan yang besar dalam menyumbang kepada industri sawit negara. Malah, pengeluaran kelapa sawit oleh badan-badan ini membantu negara memenuhi kehendak dan

pasaran semasa bagi memastikan keperluan dan kehendak rakyat dipenuhi sejawarnya.

Carta 5.23:  
Ladang Penanaman Kelapa Sawit Mengikut Sektor



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Tabung Haji melalui TH Plantations Sdn. Bhd. dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., sehingga tahun 2000, telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pengeluaran kepala sawit negara sebagaimana yang ditunjukkan dalam carta pai di atas. Sebagai tambahan, berdasarkan jadual di bawah, dapat dilihat dan dibuktikan pencapaian hasil purata BTS sehektar TH Plantations dan TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. berbanding dengan hasil purata BTS sehektar negara dari tahun 1990 sehingga tahun 2000:


**Jadual 5.27:**  
**Pencapaian hasil purata BTS sehektar oleh anak-anak syarikat LTH berbanding hasil negara dari tahun 1990 sehingga tahun 2000**

TAHUN	PURATA NEGARA (MPOB) (MT/HA)	PURATA TH PLANTATIONS (MT/HA)	PURATA TH LADANG (SABAH & SARAWAK) (MT/HA)
1990	18.53	18.20	-
1991	17.85	19.45	-
1992	17.83	19.47	-
1993	20.26	24.08	-
1994	18.42	21.10	-
1995	18.93	21.19	-
1996	18.95	22.65	20.51
1997	19.10	22.39	23.16
1998	15.98	22.37	19.28
1999	19.26	24.54	23.43
2000	18.35	21.00	24.45

Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Secara ringkas, jadual pencapaian di atas dapat dilihat perbandingannya secara lebih jelas melalui carta di bawah:


**Carta 5.24:**  
**Pencapaian hasil purata BTS sehektar oleh anak-anak syarikat LTH berbanding hasil negara dari tahun 1990 sehingga tahun 2000**



Sumber: Lembaga Tabung Haji (LTH)

Selain daripada itu, hasil BTS oleh LTH juga sehingga tahun 2000 masih boleh dianggap berada pada peringkat yang membanggakan berbanding syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit yang lain seperti Golden Hope, Guthrie dan Austral. Fakta ini dapat dijelaskan melalui carta di bawah:

**Carta 5.25:**  
Perbandingan Hasil BTS LTH berbanding syarikat-syarikat lain



Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Selain daripada itu, LTH melalui anak-anak syarikatnya dalam sektor perladangan khususnya perladangan kelapa sawit dengan nama yang akan diberikan iaitu TH Group Plantations memiliki kluasan penanaman kelapa sawit yang ke empat terbesar bagi pengeluar-pengeluar kelapa sawit Malaysia sebagaimana yang tertera dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.28:**  
Kluasan penanaman kelapa sawit di Malaysia

BIL.	NAMA SYARIKAT	TOTAL LAND IN MALAYSIA (HA)	TOTAL LAND IN INDONESIA (HA)	TOTAL (HA)
1	Kumpulan Guthrie Berhad	97979	228290	326,269.00
2	KL-Kepong Berhad	99487	41285	140,772.00

3	Golden Hope Plantation Berhad.	125620	9409	135,029.00
4	<b>TH Group Plantations</b>	<b>34287</b>	<b>82147</b>	<b>116,434.00</b>
5	EPA Management Sdn. Bhd.	28715	69527	98,242.00
6	Boustead Estates Agency Sdn. Bhd.	69187	22570	91,757.00
7	Consolidated Plantations Berhad.	75997	14000	89,997.00
8	IOI Corporation Berhad	88147	-	88,147.00
9	PPB Oil Palms Berhad	56715	25416	82,131.00
10	Tradewind Plantation Services Sdn. Bhd.	65145	16067	81,212.00
11	Austral Enterprises Berhad	46354	8741	55,095.00
12	Asiatic Development Berhad	38564	-	38,564.00
13	Hap Seng Consolidated Berhad	36049	-	36,049.00
14	United Plantations Berhad	26475	-	26,475.00
15	Pamol Plantations Sdn. Bhd.	20248	-	20,248.00

Sumber: TH Plantations Sdn. Bhd., LTH

Walaupun demikian, dalam memastikan pengeluaran kelapa sawit negara mencukupi kehendak rakyat negara ini khususnya dan kehendak dunia amnya, masih terdapat beberapa isu dan permasalahan utama yang mengganggu gugat perjalanan yang semakin rancak ini. Yang pertama dalam isu ekonomi. Antara permasalahan yang ada ialah dalam usaha untuk mencari tapak-tapak baru bagi penubuhan ladang-ladang. Kebanyakan tanah yang ada di Semenanjung Malaysia adalah tidak mencukupi khususnya bagi pembinaan ladang yang memerlukan keluasan ladang yang besar, maka usaha pembukaan ladang-ladang baru tertumpu pula ke Bahagian Barat Malaysia iaitu di Sabah dan Sarawak.<sup>52</sup>

Selain daripada itu, pengeluaran kelapa sawit negara kita pada hari ini juga terlalu mengharapkan tenaga buruh dari luar khususnya pendatang-pendatang dari Bangladesh dan Indonesia. Terdapat juga masalah dari segi

peningkatan kos pengeluaran sama ada dari segi penanaman, pengumpulan ataupun pemprosesan bahan-bahan mentah. Saingan yang sengit daripada pengeluar-pengeluar minyak sawit, minyak-nyak minyak lain seperti minyak sayuran dan minyak jagung dan juga penghasilan lemak sawit juga antara masalah yang selalu timbul. Tambahan lagi, kejatuhan minyak sawit secara menjunam pada tahun-tahun 2000 sehingga 2001 turut memberikan impak yang amat buruk kepada sektor perladangan kelapa sawit khususnya kepada LTH.<sup>53</sup>

Isu yang kedua adalah dari segi teknologi dan insfratruktur dimana sehingga kehari ini, proses penghasilan minyak kelapa sawit adalah terhad kepada penghasilan produk-produk asas sahaja. Pelbagai kemudahan moden juga tidak dapat disediakan terutama bagi pelaburan-pelaburan yang dibuat di luar negara seperti di negara-negara Filipina dan Indonesia. Sebagai contoh di Filipina, banyak masalah yang berlaku hasil daripada kekurangan kemudahan asas yang utama seperti masalah pemilikan tanah, birokrasi kerajaan pemerintah, permit dan polisi negara-negara terbabit.<sup>54</sup>

Selain daripada kelapa sawit, LTH juga telah mula berjinak-jinak dengan penanaman kayu Jati. Usaha yang merupakan satu bentuk pelaburan jangka masa panjang ini telah dicernakan melalui 3 anak-anak syarikat yang terbabit iaitu Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd., TH Bonggaya Sdn. Bhd. dan TH Usia Jatimas Sdn. Bhd. sebagaimana yang ditunjukkan secara khusus dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.29:**  
**Penanaman kayu Jati LTH**

NAMA SYARIKAT	JUMLAH KELUASAN TANAH (HA)	KELUASAN KAWASAN PENANAMAN JATI (HA)
Ladang Jati Keningau Sdn. Bhd.	1,550.00	1,467.82
TH Bonggaya Sdn. Bhd.	10,117.00	2,000.00
TH Usia Jatimas Sdn. Bhd.	4,046.00	3,537.10
<b>JUMLAH</b>	<b>15,713</b>	<b>7,004.92</b>

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Umumnya, pelaburan dalam perladangan Jati pada hari ini mempunyai prospek yang luas dan berpotensi untuk menjadi pengganti kepada kepupusan kayu balak.<sup>55</sup> Ini kerana, berbanding kayu-kayu balak yang lain, kayu Jati merupakan kayu yang stabil kerana ia mengandungi kadar minyak yang tinggi sehingga mampu menahan air dan kebal terhadap proses pengikisan oleh serangga. Disamping itu, ia juga tahan dari pengaruh cuaca dan musim walaupun dibiarkan berada di bawah dedahan cuaca dengan tiada penjagaan.<sup>56</sup>

- 24 -

Oleh itu, tidak hairanlah pada tahun 2000, kayu Jati telah mendapat sambutan yang membanggakan dalam pasaran dunia terutama daripada syarikat-syarikat pengeluar perabot yang menghendaki perabot yang mempunyai reka bentuk yang bermutu tinggi.<sup>57</sup> Di Malaysia pula, pengeluaran kayu negara dilihat semakin menurun dari setahun kesetahun bagi 10 tahun kebelakangan ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikutnya. Perkara ini akan membawa kepada import kayu dari negara lain seterunya membawa kerugian kepada industri kayu negara. Oleh itu, satu tindakan perlu dilakukan bagi

memastikan pengeluaran kayu negara termasuk kayu Jati terus meningkat bagi memenuhi keperluan masyarakat.


**Jadual 5.30:**  
Pengeluaran Kayu Negara dari 1990-2000

TAHUN	SEMENANJUNG MALAYSIA	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
1990	12.82	8.44	18.84	40.10
1991	12.29	8.16	19.41	39.86
1992	13.03	11.63	18.48	43.14
1993	11.23	9.30	16.74	37.27
1994	11.39	7.97	16.32	35.68
1995	9.03	6.52	16.29	31.84
1996	8.42	5.64	16.04	30.10
1997	7.38	6.96	16.82	31.16
1998	5.10	5.27	11.31	21.68
1999	5.30	3.38	13.10	21.78
2000	5.07	3.73	14.27	23.07
<b>JUMLAH</b>	<b>101.06</b>	<b>77.00</b>	<b>177.62</b>	<b>355.68</b>

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Perbandingan pengeluaran kayu negara ialah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Carta 5.26:**  
Pengeluaran Kayu Negara dari 1990-2000



Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Penanaman Jati di negara kita amat sesuai dan serasi dengan keadaan hutan yang ada. Ini kerana negara asal kayu bermutu tinggi ini iaitu India, Laos, Myanmar dan Thailand turut berkongsi atmosfera yang sama. Oleh yang demikian, LTH telah mengambil peluang dari segi keadaan persekitaran semulajadi yang ada untuk memulakan tanaman kayu Jati bagi tujuan industri. Yang pasti, prospek kayu ini di Malaysia amat luas memandangkan negara kita masih ditahap yang agak rendah berbanding negara-negara lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 5.31:**  
**Penananaman Kayu Jati Dunia**

NEGARA	KAWASAN (HA)
India	1,5000,000
Indonesia	1,100,667
Myanmar	214,189
Thailand	170,240
Sri Langka	70,800
Bangladesh	62,700
Ivory Coast	52,000
Ghana	31,000
Filipina	21,600
Nigeria	21,300
Sudan	10,700
Trinidad	9,700
Benin & Senegal	9,100
China	9,000
Togo	8,000
Laos	5,000
Tanzania	5,000
Puerto Rico, Panama, South American countries	4,800
Papua New Guinea	3,500
Vietnam	2,000
Malaysia	1,100
Nepal	1,000

Sumber: TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., LTH

Oleh yang demikian, jelaslah kepada kita bahawa prospek kelapa sawit dan kayu Jati ini amat luas dan pemilihan bahan komoditi ini untuk dijadikan tanaman utama di ladang-ladang milik LTH merupakan satu keputusan yang berlandaskan keyakinan setelah mengkaji keadaan yang sedia ada. Walaupun pada hari ini, tanaman-tanaman ini dianggap tidak menguntungkan, namun bagi jangka masa panjang, ia akan membawa kepada keuntungan yang besar, berganda dan berterusan sebagaimana yang diharapkan oleh LTH sendiri.

#### 5.4 Kesimpulan

Belanjawan Negara yang dibentangkan pada tahun 2001 telah memberikan tumpuan kepada kecemerlangan Sektor pertanian dan penggubalan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) 1998 – 2020.<sup>58</sup> Sektor pertanian merupakan satu cabang utama yang membawa kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara disamping sektor perindustrian. Lantas, tindakan LTH lebih kurang 25 tahun dahulu merupakan satu tindakan berani yang mementingkan kepentingan hadapan yang mana hasilnya dapat kita lihat pada hari ini.

Kedudukan LTH dalam sektor pertanian khususnya perladangan kelapa sawit dan kayu Jati amat jelas. Dengan adanya anak-anak syarikat yang utama dalam perladangan iaitu TH Plantations Sdn. Bhd. dan Tabung Haji Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd., kepentingan LTH dalam industri ini dapat disalurkan secara berencana dan terkawal. Di bawah penyeliaan TH Plantations Sdn. Bhd. sebagai contoh, sehingga tahun 2000 kesemua ladang-ladang yang

dimiliki sudah mengeluarkan hasil yang membanggakan sebagaimana yang disebutkan dalam perbincangan sebelum ini. (Lihat lampiran 5.4)

Situasi yang sama turut berlaku kepada anak syarikat yang tidak kurang pentingnya iaitu Tabung Haji Ladang (Sabah & Sarawak) yang memberikan tumpuan aktiviti perladangan di Sabah dan Sarawak. Kesemua ladang yang terlibat dengan aktiviti penanaman kelapa sawit sudahpun mengeluarkan hasil. (Lihat lampiran 5.18) Walaupun 3 ladang-ladang Jati yang ada masih dalam proses pembangunan dan penanaman, namun hasil yang bakal diperolehi pada tempoh yang akan datang menjanjikan imbuhan yang besar kepada LTH secara khusus dan kepada semua pendeposit secara umum.

Tuntasnya, penglibatan LTH dalam sektor pertanian khususnya perladangan ini bukanlah satu langkah yang pincang malah, langkah yang diatur rapi dan tersusun ini telah banyak membuka mata masyarakat Malaysia khasnya dan dunia amnya untuk sama-sama memberikan sokongan yang berterusan kepada aktiviti ini.

- 
- <sup>1</sup> Jabatan Perdana Menteri (1993), *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, h.325
- <sup>2</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 200
- <sup>3</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>4</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>5</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>6</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002, ms. 9
- <sup>7</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>8</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>9</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>10</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>11</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>12</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>13</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>14</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>15</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>16</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>17</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>18</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>19</sup> Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6
- <sup>20</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>21</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>22</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Penolong Akauntan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>23</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002

- 
- <sup>24</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>25</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>26</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>27</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>28</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>29</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>30</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>31</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>32</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>33</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>34</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>35</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Penolong Akauntan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>36</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Penolong Akauntan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>37</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Penolong Akauntan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>38</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>39</sup> Osman Yong (Prof. Dr.) et.al. (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6
- <sup>40</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>41</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>42</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Penolong Akauntan, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>43</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>44</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>45</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002
- <sup>46</sup> Profil Syarikat TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Ladang (Sabah & Sarawak) Sdn. Bhd. Janji temu pada 9 Oktober 2002

- 
- <sup>47</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 200
- <sup>48</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>49</sup> \_\_\_\_\_(2000), *An Endorsement on Health, Nutrition and Palm Oil*, Petaling Jaya: Malaysian Palm Oil Promotion Council, h. 16
- <sup>50</sup> Sumber daripada CD, *Nature's Gift to Malaysia Malaysia's gift to the world*, oleh Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia, MPOB.
- <sup>51</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>52</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>53</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>54</sup> Maklumat Korporat TH Plantations / Anak Syarikat dan Individu Estet, Fail Meja, Pengurus Bahagian Ladang, TH Plantations. Janji temu pada 29 Ogos 2002
- <sup>55</sup> <http://www.modaljati>
- <sup>56</sup> <http://www.idaman.com>
- <sup>57</sup> <http://www.idaman.com>
- <sup>58</sup> Mustafa bin Dakian (Dr.)(2001), "Belanjawan 2001: Kecemerlangan Sektor Pertanian dan dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) 1998-2010 Diberi Tumpuan Utama", Dewan Ekonomi, Edisi Januari/2001, h. 15